

# Peluang berkuda Pesta Konvokesyen UPM

**KUALA LUMPUR 15 Okt.** - Sempena Pesta Konvokesyen dan Ekspo Pertanian UPM Ke-42, Taman Pertanian Universiti membuat kelainan pada tahun ini dengan memberi peluang kepada pengunjung merasai menunggang dan bermesra dengan kuda dan melihat pelbagai jenis burung sepanjang tiga hari pesta berkenaan.

UPM dalam satu kenyataan berkata, sebanyak dua ekor kuda milik UPM, baka dari negara Arab akan digunakan dalam sesi beriadah bersama kuda berkenaan sepanjang pesta konvokesyen berkenaan.

“Pengunjung berpeluang merasai pengalaman menunggang kuda bermula pada pukul 8.30 pagi sehingga pukul 6 petang sepanjang hari bermula 27 Oktober sehingga 30 Oktober ini.

“Selain itu, pameran peralatan berkaitan menunggang turut dipertontonkan dan pengunjung berpeluang



mengenali peralatan berkaitan kuda seperti set Bridle, Saddle dan beberapa peralatan lagi,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Yang turut dipertontonkan semasa pameran berkenaan sesi demonstrasi pemasangan alatan menunggang kuda.

“Orang ramai dijemput untuk hadir kerana pergerakan semasa menunggang kuda juga boleh bertindak sebagai urutan pada tulang belakang selain memberi banyak manfaat kepada tubuh badan termasuk membentuk keyakinan diri, daya responsif dan membentuk sifat kepimpinan dalam diri manusia,” katanya.